



UNTUK SIARAN SEGERA

MIDF ANJUR SIMPOSIUM USAHAWAN DI TEMERLOH

Temerloh, Pahang, 23 April 2017 – Simposium Usahawan MIDF merupakan salah satu program utama yang dianjurkan oleh Malaysian Development Finance Berhad (MIDF) sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2017 (MSAM) yang berlangsung di Temerloh, Pahang dari 20 – 25 April 2017.

Pada tahun ini lebih kurang 500 peserta telah menghadiri Simposium Usahawan MIDF yang telah dirasmikan oleh Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad, Tan Sri Abdul Wahid Omar. Turut hadir bersama adalah Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Abdul Rahman Ahmad serta Pengarah Urusan Kumpulan MIDF Datuk Mohd. Najib Hj. Abdullah.

Simposium edisi 2017 ini merupakan kali ke-sebelas ia dianjurkan dengan kerjasama PNB dan ini merupakan kali kedua ia dianjurkan di negeri Perak. Acara tersebut pernah dianjurkan di Ipoh, Perak pada tahun 2011. Simposium Usahawan MIDF dianjurkan khusus bagi para usahawan berkongsi rahsia kejayaan dengan para peserta. Simposium tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang keusahawanan melalui kepimpinan dan pengalaman para penceramah. Melalui acara ini, usahawan yang hadir boleh memperkukuhkan rangkaian kerja di kalangan peserta, pembentang, PNB dan syarikat-syarikat dalam Kumpulan PNB.

Dua topik utama iaitu "Tuntutan dan Cabaran Menguruskan Perniagaan dalam Era Digital" serta "Usahawan 2.0 – Peluang, Cabaran dan Strategi" telah dibincang bersama ahli panel di antaranya seperti Pengarah Urusan Kumpulan Jakel Datuk Mohamed Faroz Mohamed Jakel, Pengarah Urusan MGV Industries Sdn Bhd Tuan Haji Zakaria Jusoh, Ketua Eksekutif MaGIC Encik Ashran Dato' Ghazi, dan Pengarah Urusan Klinik Syed Badaruddin Sdn Bhd Dr. Syed Badaruddin Syed Ali, Pengasas Azhar Buang Enterprise Coach Azhar Buang dan Encik Nadhir Ashafiq Zainal Abidin, Pengarah Eksekutif The Lorry Online Sdn Bhd.

Ketua Kewangan Pembangunan MIDF, Encik Azizi Hj. Mustafa juga merupakan salah seorang ahli panel forum tersebut. Pemudahcara forum-forum tersebut adalah ahli lembaga pengarah PNB iaitu Tan Sri Zarinah Sameehah Anwar serta Datuk Dr. Awang Adek Hussin.

Simposium Usahawan MIDF pernah dianjurkan sempena MSAM pada tahun 2007 di Pahang, 2008 di Melaka, 2009 di Johor, 2010 di Kuching, Sarawak, 2011 di Perak, 2012 di Kota Kinabalu, Sabah, 2013 di Perlis, 2014 di Kelantan, 2015 di Sibu, Sarawak dan 2016 di Tapah, Perak.

#####

Mengenai MIDF

MIDF telah ditubuhkan lima puluh tujuh tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara. Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset dan Kewangan Hartanah. MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Anita Ramly

Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8866

H/P: (019) 332 4809

E-mel: anita.ramly@midf.com.my

Laman Sesawang: www.midf.com.my

Farah Atiqah Zuhdi

Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: (03) 2173 8752

Faks: (03) 2173 8866

E-mel: farah.atiqah@midf.com.my

Laman Sesawang: www.midf.com.my